

SAMBAR KUDUNG
Snowy-browed Flycatcher

FAMILI: Muscicapidae
NAMA SAINTIFIK: *Ficedula hyperythra*

CIRI-CIRI

Individu jantan sub-spesies *F.h.hyperythra*, ianya bersaiz kecil dengan ekor yang agak pendek dengan bahagian atas badan berwarna kebiruan gelap, bahagian tekak dan dada berwarna coklat kemerahan-oren serta bahagian kening berwarna putih. Bagi burung betina, ia juga bersaiz kecil serta ekor yang pendek, bahagian bawah paruh, bahagian mata dan bawah badan (lebih pudar di bahagian tekak dan bawah tongkeng) dan bahagian sayap bercampur dengan warna coklat kemerahan manakala bahagian atas badan berwarna kelabu buah zaitun-coklat. Bagi burung juvenil, bahagian atas badan lebih gelap berbanding burung betina, dengan terdapat jalur-jalur kehitaman di bahagian bulu; tekak dan dada terdapat jalur-jalur tebal berwarna kehitaman tetapi ianya agak pudar di bahagian tengah tekak, perut dan bawah tongkeng. Lain-lain sub-spesies di Asia Tenggara, *F.h.sumatrana* (Semenanjung Malaysia). Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 11-13 sm.

MAKANAN

Ia menggemari serangga yang berterbangan.

HABITAT

Burung ini boleh dijumpai di hutan dipterokap, dari ketinggian 1,000 hingga 2,590 m dari aras laut.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi yang nipis dan bernada tinggi: *tsit-sit-si-sii*, *tsi-sii-swri* dan *tsi siii'i*. Kadang kala ia juga mengeluarkan bunyi *sip*.

PEMBIAKAN

Musim membiak bagi spesies ini adalah dari bulan April hingga bulan Jun pada setiap tahun. Sarang adalah berbentuk cawan kecil yang dalam dan dibina pada lubang di tebing atau pokok, celah-celah batu dan akar-akar pokok yang terdedah; ketinggian sarang adalah sehingga 12 m dari aras tanah. Burung betina boleh menghasilkan 4-5 biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan telur adalah berwarna kuning pudar-kekelabuan ke merah jambu pekat-kemerahan. Anggaran saiz bagi telur adalah 17.5 x 13.8 mm.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.